

**PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN SELANGOR
BILANGAN 2/1997**

=====

**PINDAAN PENURUNAN KUASA KEBENARAN PINDAH MILIK KEPADA
AHLI-AHLI MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN NEGERI SELANGOR**

Adalah saya dengan hormatnya memaklumkan bahawa Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor Darul Ehsan yang bersidang pada 6 Jun, 1997 telah membuat keputusan meminda penurunan kuasa kepada Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri bagi menimbangkan permohonan kebenaran pindahmilik seperti yang terdapat di dalam sekatan kepentingan hakmilik tanah. Pindaan tersebut dibuat selaras dengan rombakan Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri baru-baru ini.

2. Bagi pindahmilik tanah individu Bumiputera ke Bumiputera/bukan Bumiputera ke bukan Bumiputera/bukan Bumiputera ke Bumiputera dan yang bukan ahli keluarga maka penurunan kuasanya adalah seperti berikut :-

- | | | |
|------|--|--|
| 2.1. | Y.B. Dato' Zainal bin Dahalan
DPMS, JSM, KMN, PJK. | Daerah Sabak Bernam |
| 2.2. | Y.B. Dr. Pius Martin
KMN, AMS, PJK | Daerah Petaling |
| 2.3. | Y.B. Tuan Sivalingam
SSA, KMN, AMS | Daerah Kuala
Selangor |
| 2.4. | Y.B. Dato' Tang See Hang
DSSA, AMS, JP | Daerah Gombak
(Bagi kawasan-
kawasan yang
termasuk di dalam
Parlimen Selayang) |
| 2.5. | Y.B. Dato' Fuad bin Dato' Hj. Hassan
DSSA, BCM, PJK | Daerah Klang |
| 2.6. | Y.B. Dato' Dr. Zainal Abidin bin Ahmad
PDMS | Daerah Hulu Langat |
| 2.7. | Y.B. Dato' Hj. Mohd Shariff bin Jajang
PDMS, SSA, KMN, AMN, PJK | Daerah Sepang |

- | | | |
|------|--|--|
| 2.8. | Y.B. Datin Paduka Hajah Rakibah bt Abdul Manap
DSSA, AMN, PJK | Daerah Gombak
(Bagi kawasan-kawasan yang termasuk di dalam Parlimen Gombak) |
| 2.9. | Y.B. Tuan Ch'ng Toh Eng
SMS, PJK | Daerah Hulu Selangor |
| 3.0. | Y.B Dato' Abdul Fatah bin Iskandar
DPMS, PJK | Daerah Kuala Langat |

3. Peraturan mengenai pemerosesan permohonan pindahmilik ini tidak berubah dimana dokumen bersama fail berkenaan akan dikemukakan oleh Pentadbir Tanah ke Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Selangor yang kemudiannya akan memanjangkan kepada Y.B. Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri yang berkenaan untuk dipertimbangkan.

4. Bagi permohonan pindahmilik yang melibatkan individu Bumiputera kepada individu bukan Bumiputera dan pindahmilik individu kepada syarikat atau sebaliknya atau sesame syarikat, maka penurunan kuasanya adalah tidak berubah iaitu akan dikemukakan kepada Y.A.B. Menteri Besar Selangor untuk keputusan.

5. Dengan Pekeliling ini maka senarai penurunan kuasa yang dinyatakan oleh Pekeliling PTG. Bil. 1/1995 adalah dibatalkan. Semua Pentadbir Tanah adalah dikehendaki mengambil perhatian dan tindakan yang sewajarnya dalam mengemukakan kertas permohonan yang berkenaan.

Sekian, terima kasih.

T.T
(DATO' HAJI MOHD. ESA BIN SHARIFF)
 Pengarah Tanah dan Galian,
 Selangor Darul Ehsan.

Bertarikh : 5 Ogos 1997

*** PEKELILING DIBATALKAN DENGAN PEKELILING BIL.1/2000***